

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 2.12.2015

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PEDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengurangkan beban pentadbiran Universiti Malaya dalam menanggung kos operasi yang tinggi untuk Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaya tidak menanggung kos operasi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Hal ini kerana PPUM mempunyai peruntukan tersendiri dan pihak pentadbiran PPUM akan membida bajet bagi peruntukan mengurus untuk menampung kos operasi PPUM kepada Kementerian Kewangan setiap tahun.